

Speech By : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Title : SEMASA MELANCARKAN KUTIPAN, DERMA RAYUAN HARI PAHLAWAN MENERUSI
RADIO DAN TALIVISYEN MALAYSIA, (RAKAMAN DIBUAT DI IPTAR, PADA HARI SELASA 29HB.
SEPTEMBER, 1981, JAM 10.00 PAGI)
Location : IPTAR
Date : 30-09-1981

Assalamu' alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya berucap kepada Tuan-tuan dan puan-puan pada malam ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia kerana memberi penghormatan kepada saya melancarkan Kutipan Derma Rayuan Hari Pahlawan anjuran Persatuan ini. Kutipan derma ini, pada kebiasaannya, dilakukan di dalam bulan Julai pada tiap-tiap tahun. Walau bagaimanapun semenjak tahun lalu tarikh pelancarannya telah ditunda kepada bulan Oktober.

2. Sepanjang kutipan derma ini dijalankan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia serta cawangan-cawangannya akan menjalankan berbagai usaha untuk mengutip derma daripada orang ramai. Di antara usaha-usaha ini ialah mengedarkan surat-surat rayuan, menjual pelekat-pelekat kereta serta lain-lain bahan dan cenderamata kepada firma-firma, jabatan-jabatan Kerajaan dan juga kepada orang ramai. Saya berharap orang ramai akan menderma dengan ikhlas dan membantu usaha-usaha Persatuan Bekas Perajurit ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Persatuan Bekas Perajurit ini ditubuhkan pada tahun 1922 dan ia merupakan Persatuan yang tunggal yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai mewakili seluruh bekas-bekas perajurit

di tanahair. Persatuan ini adalah bertanggungjawab menjaga kebajikan bekas-bekas perwira negara serta tanggungan-tanggungan mereka dalam berbagai-bagai aspek. Ini merupakan tanggungjawab yang berat memandangkan bahawa Persatuan ini mempunyai, pada masa ini, hampir 37,000 orang ahli. Dalam hal ini saya merasa bangga di atas peranan yang dimainkan oleh Persatuan ini bagi menjaga kebajikan ahli-ahlinya.

4. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia ini telah mengadakan sekim-sekim bantuan kebajikan kepada ahli-ahli Persatuan yang memerlukan serta tanggungan-tanggungan mereka. Persatuan ini juga mengadakan berbagai rancangan untuk memenuhi keperluan ahli-ahlinya, lebih-lebih lagi dari segi pembangunan sosio-ekonomi. Sekim-sekim bantuan kebajikan yang sedang diselenggarakan oleh Persatuan ini termasuklah bantuan bulanan kepada balu-balu, ahli-ahli yang tidak dayaupaya oleh sebab uzur, atau pun cacat anggota dan sebagainya serta juga bantuan pelajaran kepada anak-anak ahli yang memerlukan. Dalam tahun 1980 sebanyak dua ratus lima puluh ribu ringgit (\$250,000/-) telah dikeluarkan oleh Persatuan ini bagi tujuan tersebut. Ini berbanding dengan dua ratus empat belas ribu ringgit (\$214,000/-) yang digunakan bagi tahun 1979. Perbelanjaan untuk sekim bantuan ini akan meningkat, tahun demi tahun, memandangkan kepada ramainya bilangan bekas-bekas perajurit dan tanggungan mereka yang memerlukan bantuan. Dalam hal ini tidak syak lagi bahawa Persatuan Bekas Perajurit Malaysia memerlukan kewangan yang besar untuk mengendalikan rancangan bantuan

kebajikan.

5. Pada hemat saya, usaha-usaha membantu bekas-bekas perajurit kita bukanlah tanggungjawab pihak Kerajaan dan Persatuan Bekas Perajurit ini semata-mata. Walaupun Kerajaan telah memberi berbagai bantuan kepada Persatuan ini tetapi banyak lagi yang diperlukan. Setiap lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab bagi menolong Persatuan Bekas Perajurit Malaysia meningkatkan lagi aktiviti-aktivitinya.

6. Keamanan dan kemakmuran yang kita nikmati sekarang ini adalah sumbangan dan hasil daripada perjuangan perajurit-perajurit kita. Perajurit-perajurit kita telah berkhidmat dengan cemerlang bagi menjaga keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara. Dalam menjalankan tugas-tugas berat ini ada di antara mereka yang telah cacat anggota dan ada pula yang terkorban. Khidmat dan jasa mereka adalah sentiasa disanjung tinggi. Pengorbanan mereka itu membolehkan kita hidup dalam aman dan tenteram. Kita hendaklah sentiasa menginsafi akan hal ini. Sebagai mengenangi dan menghargai sumbangan dan pengorbanan perajurit-perajurit kita ini, kita hendaklah sedia dan rela menderma dengan seberapa yang boleh bagi membantu bekas-bekas perajurit dan keluarga-keluarga mereka yang memerlukan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada ahli-ahli perniagaan, para dermawan dan orang ramai sekalian untuk menghulurkan derma mereka kepada Derma Rayuan Hari Pahlawan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Sambutan orang ramai terhadap Kutipan Derma Rayuan Hari

Pahlawan pada masa-masa yang lalu adalah menggalakkan. Kutipan bagi tahun yang lalu, iaitu sebanyak \$1.7 juta ringgit, adalah yang paling tinggi sekali pernah diterima oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia. Dari jumlah ini, sebanyak satu juta ringgit adalah sumbangan dari Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS. Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah menubuhkan satu Lembaga Tabung Amanah untuk menguruskan wang sumbangan dari Sistem Penerbangan Malaysia ini. Adalah diharapkan bahawa Lembaga Tabung Amanah ini akan dapat menjamin pertumbuhan kewangan yang lebih besar lagi di masa akan datang dalam usaha-usaha Persatuan ini untuk berdikari. Adalah juga dicadangkan bahawa sebahagian daripada derma yang akan diterima pada tahun ini akan dilaburkan di dalam Tabung Amanah ini. Saya percaya dengan adanya sumbangan daripada orang ramai Tabung Amanah ini akan berkembang dan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia akan dapat memperluaskan lagi sekim bantuan kebajikannya.

8. Saya juga ingin menyatakan di sini mengenai satu perkara yang mendukacitakan. Baru-baru ini terdapat golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab, yang telah menggunakan nama Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk memungut derma daripada orang ramai bagi kegunaan mereka sendiri. Saya ingin menjelaskan bahawa hanya Persatuan Bekas Perajurit Malaysia sahaja yang telah diberi kebenaran oleh pihak yang berkuasa untuk mengutip derma. Kutipan derma ini akan dijalankan hanya disepanjang bulan Oktober ini. Di samping itu Persatuan Bekas Perajurit tidak menetapkan sumbangan wang yang patut diberi. Sumbangan ini

adalah terpulang kepada keikhlasan setiap para penderma.

Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan merasa ragu-ragu terhadap sesiapa yang mengutip derma untuk Rayuan Hari Pahlawan ini, tuan-tuan dan puan-puan bolehlah berhubung dengan Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk mendapat penjelasan.

9. Saya berasa sukacita bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah mendapat sambutan dan sokongan yang menggalakkan daripada orang ramai lebih-lebih lagi dari segi aspek pungutan derma. Saya harap sokongan ini akan berterusan.

10. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk menghulurkan derma dengan seberapa yang boleh kepada kutipan derma Rayuan Hari Pahlawan pada tahun ini. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan itu amatlah besar ertinya kepada bekas-bekas perajurit dan tanggungan-tanggungan mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Marilah kita mengenangi serta menderma kepada perajurit-perajurit kita yang telah berbakti kepada negara.

Terima kasih.

Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.